



Ruj. Kami : KKM.600-16/24/3 (19)
Tarikh : 16 Mac 2026

Pengarah Kesihatan Negeri/Wilayah Persekutuan

Pengarah Hospital Kuala Lumpur

Pengarah Institut Kanser Negara

YBhg. Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Dato' Indera/ Tuan/ Puan,

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL 6 /2026
: PELAKSANAAN IKRAR BEBAS RASUAH, PENGISYTIHARAN
KEPENTINGAN DAN INSENTIF DI BAWAH GARIS PANDUAN AHLI
LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pelaksanaan:

- i. Ikrar Bebas Rasuah (IBR) dan pengisytiharan kepentingan bagi Ahli Lembaga Pelawat Hospital (ALPH); dan
- ii. Insentif-insentif bagi ALPH.

Pekeliling ini menggariskan perkara yang perlu dilaksanakan dan diberi perhatian oleh semua Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) serta hospital yang mempunyai ALPH.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. ALPH ditubuhkan sebagai penghubung dan pengerat hubungan antara hospital dan masyarakat tanpa mengira bangsa, agama atau pemahaman politik;
- 2.2. Tadbir urus yang berintegriti adalah penting untuk melahirkan budaya bersih, amanah dan bebas rasuah dalam pelaksanaan

ALPH. Sebagai tanda komitmen ALPH dalam perkara ini maka, IBR dan pengisytiharan kepentingan diperkenalkan.

- 2.3. KKM menghargai sumbangan serta peranan ALPH kepada komuniti, dan sebagai tanda penghargaan, beberapa insentif disediakan untuk ALPH.
- 2.4. Pekeliling ini perlu dibaca bersama dengan surat dan garis panduan yang berkuat kuasa atau terkini, iaitu **Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil 11/2025 : Garis Panduan Ahli Lembaga Pelawat Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia.**

3. IKRAR BEBAS RASUAH DAN PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN ALPH

- 3.1 **Urus setia ALPH di peringkat hospital perlu memastikan setiap ALPH menandatangani IBR (Lampiran A) dan pengisytiharan kepentingan (Lampiran B) disaksikan oleh Pengarah Hospital selepas pelantikan ALPH.**
- 3.2 Setiap hospital hendaklah memastikan rekod IBR dan pengisytiharan kepentingan ALPH disimpan dengan teratur di hospital bagi tujuan rekod.

4. INSENTIF ALPH

- 4.1. Sebagai penghargaan terhadap peranan dan sumbangan ALPH, KKM memberikan insentif-insentif berikut;
 - i. pengecualian caj rawatan pesakit luar di mana-mana hospital KKM semasa tempoh menjadi ALPH;
 - ii. pengecualian caj rawatan dan caj wad kelas dua/ kelas tiga semasa tempoh lantikan ALPH. Bagi ALPH yang layak mendapat wad kelas satu, keutamaan mendapat bilik di wad berkenaan akan diberikan mengikut kelayakan beliau;
 - iii. kebenaran untuk menyertai aktiviti atau kursus berkaitan kesihatan yang dianjurkan oleh pihak hospital dengan kelulusan Pengarah Hospital; dan

- iv. kebenaran melawat hospital di luar waktu lawatan yang ditetapkan bagi tujuan rasmi, tertakluk kepada permohonan dan kelulusan Pengarah Hospital. Secara dasarnya, kebenaran melawat adalah mengikut Polisi Operasi Umum Hospital yang terkini.

5. PEMBATALAN

Dengan berkuat kuasanya pekeliling ini, Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil 12/1996: Insentif-insentif Bagi Ahli-ahli Lembaga Pelawat Hospital bertarikh 15 Mac 1996 adalah **dibatalkan**.

6. TARIKH BERKUAT KUASA

Surat pekeliling ini berkuat kuasa mulai ia dikeluarkan.

7. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan dengan pelaksanaan insentif, IBR dan pengisytiharan kepentingan di bawah Garis Panduan Ahli Lembaga Pelawat Hospital KKM hendaklah dikemukakan ke alamat seperti berikut:

Tadbir Urus

Pengarah,
Bahagian Perkembangan Perubatan,
Aras 5, Blok E1, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Kementerian Kesihatan Malaysia,
62590 Putrajaya.

(u.p. Unit Perkhidmatan Pengurusan Hospital)

Tel : 0388831139

8. PENUTUP

Pihak JKN dan Hospital dikehendaki memberikan perhatian dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pelaksanaan insentif, IBR dan pengisytiharan kepentingan dalam pelaksanaan ALPH di hospital. Kerjasama antara ALPH dan KKM sebagai satu pasukan

akan melancarkan usaha untuk mencapai matlamat mewujudkan masyarakat yang sihat.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK DR MAHATHAR BIN ABD WAHAB)

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k.: Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Pergigian)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perkhidmatan Farmasi)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Keselamatan & Kualiti Makanan)



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

IKRAR BEBAS RASUAH (IBR)

Saya,

No. Kad Pengenalan: adalah dengan sesungguhnya dan suci hati berikrar bahawa **sepanjang lantikan saya sebagai Ahli Lembaga Pelawat Hospital (ALPH)** dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);

- i. Saya akan mematuhi sepenuhnya undang-undang, peraturan, prosedur serta dasar-dasar negara yang berkaitan dengan pencegahan jenayah rasuah dan salah guna kuasa;
- ii. Saya akan membenci dan menolak sebarang bentuk jenayah rasuah dan salah guna kuasa, serta memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dalam mencegah sebarang perlakuan jenayah rasuah dan salah guna kuasa;
- iii. Saya tidak akan melibatkan diri dalam sebarang bentuk jenayah rasuah dan salah guna kuasa, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dengan mana-mana pihak yang berurusan dengan KKM dan ALPH;
- iv. Saya akan memastikan pelaksanaan ALPH tidak akan terlibat dalam sebarang bentuk jenayah rasuah dan salah guna kuasa dalam apa-apa jua urusan berkaitan dengan KKM dan ALPH; dan
- v. Saya akan melaporkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, dengan seberapa segera, sebarang bentuk perlakuan jenayah rasuah dan salah guna kuasa yang melibatkan saya atau ALPH.

Tandatangan :
Nama :
No. Kad Pengenalan :
Jawatan :
Tarikh :

Disaksikan Oleh*

Tandatangan :
Nama :
No. Kad Pengenalan :
Jawatan :
Tarikh :

*Disaksikan oleh Pengarah Hospital

**SURAT AKUAN OLEH INDIVIDU YANG TERLIBAT DENGAN
AHLI LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL (ALPH)**

Saya No. Kad Pengenalan (Awam / Tentera / Polis)
..... adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan
bahawa:

- i. Saya tidak akan melibatkan diri saya dalam mana-mana amalan rasuah dengan mana-mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam pelaksanaan ALPH;
- ii. Saya tidak akan bersubahat dengan mana-mana pihak yang boleh menjejaskan ketelusan dan keadilan semasa mana-mana proses perolehan dan semasa tempoh lantikan sebagai ALPH;
- iii. Sekiranya terdapat sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya;
- iv. Saya sesungguhnya faham bahawa kegagalan saya mematuhi perkara i, ii dan iii dalam surat akuan ini boleh menyebabkan saya didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing;
- v. Saya akan mengisytiharkan dengan segera kepada Pengarah Hospital sekiranya terdapat mana-mana anggota atau keluarga terdekat yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan ALPH yang dikendalikan oleh saya;
- vi. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan Kerajaan kepada mana-mana pihak selaras dengan Seksyen 8(1) Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88]; dan
- vii. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dalam Surat Akuan ini, saya juga boleh dikenakan tindakan di bawah seksyen 21 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].

Tandatangan :
 Nama :
 No. Kad Pengenalan :
 Jawatan :
 Tarikh :

Disaksikan Oleh *

Tandatangan :
 Nama :
 No. Kad Pengenalan :
 Jawatan :
 Tarikh :

*Disaksikan oleh Pengarah Hospital

Catatan: (i) * termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3(a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan. (ii) ** disaksikan oleh Pengarah Hospital